

Shahnon Ahmad: Dari Naratif Daerah Ke Wadah dan Wajah Kebijaksanaan

Shahnon Ahmad: From District Narratives to Medium and Faces of Intelligence

Anwar Ridhwan

anwar@aswara.edu.my

Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem
Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) Malaysia
464 Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia

Published: 02 June 2020

To cite this article (APA): Ridhwan, A. (2021). Shahnon Ahmad: Dari Naratif Daerah Ke Wadah dan Wajah Kebijaksanaan. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 13-21. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.fa.2.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.fa.2.2021>

ABSTRAK

Karya-karya awal Shahnon Ahmad menaratifkan isu-isu daerahnya dengan pewarnaan tempatan yang unik. Perkembangan kepengarangannya telah turut menyentuh tema kekeluargaan dan kemasyarakatan yang lebih luas, meliputi isu ekonomi, urbanisasi, politik, media, alam sekitar dan agama. Isu-isu tersebut digerakkan oleh dua kelompok – yang menguasai dan yang dikuasai, dengan kelompok pertama biasanya mempunyai banyak kelebihan. Setelah melalui perjalanan kreatif yang panjang, Shahnon Ahmad percaya bahawa karya sastera boleh menjadi medium dakwah melalui gagasan sastera Islamnya.

Kata Kunci: Shahnon Ahmad, Banggul Derdap, Bahasa Daerah, *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Seluang Menodak Baung*, Sastera Islam

ABSTRACT

Shahnon Ahmad's early work narrated the issues of his district with unique local colors. The development of his literary works has also touched on broader themes of family and society that cover issues of economics, urbanization, politics, media, environment and religion. The issues are driven by two groups - the dominant and the dominated, with the former usually having many advantages. After going through a long creative journey, Shahnon Ahmad believed that literary works can be a medium of da'wah through his Islamic literary ideas.

Keywords: *Shahnon Ahmad, Banggul Derdap, district language, Ranjau Sepanjang Jalan, Seluang Menodak Baung, Islamic literature*

PENDAHULUAN

Pembicaraan tentang sumbangan, pemikiran serta ketokohan Shahnon Ahmad (13 Januari 1933 – 26 Disember 2017) sering diadakan dari masa ke masa sejak beberapa dekad yang lalu, oleh pelbagai pihak seperti universiti, jabatan, persatuan penulis dan sebagainya. Karya-karyanya juga menjadi sumber kajian ilmiah yang membolehkan para pengkajinya memperoleh ijazah sarjana muda, sarjana atau doktor falsafah. Tidak syak lagi Shahnon merupakan sasterawan yang paling kerap dan banyak dibicarakan, berbanding sasterawan lain di negara ini.

Kekerapan pembicaraan tersebut, yang disertai dengan rujukan berwibawa berupa sejumlah tesis, kertas kerja, buku, rencana dalam jurnal, majalah serta akhbar – membolehkan khalayak melihat

Shahnon dari pelbagai sisi dan dimensi. Kekayaan bahan rujukan tentangnya sebenarnya boleh memudahkan atau menyulitkan pengkajian. Memudahkan, bagi yang rajin membaca untuk melihat Shahnon dalam ruang lingkup yang luas dan menyeluruh. Menyulitkan, kerana mungkin kita terpacu mencari dari sudut mana lagi kita harus membicarakan Shahnon.

Hal ini demikian kerana Shahnon bukan sahaja merupakan seorang sasterawan Malaysia yang terkenal, malah beliau juga seorang ahli akademik, pemikir budaya, pengkritik sosial, dan pernah terlibat dalam parti politik. Shahnon seorang insan yang sangat *versatile*.

Naratif Daerah

Shahnon Ahmad, pada peringkat awal sumbangan karya sasteranya, umpamanya melalui novelnya *Rentong* (1965) dan *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966), telah secara sedar memilih kanvas naratif daerah utaranya terutama Banggol Derdap, serta memberinya pewarnaan setempat dengan isu agama, sosial dan ekonomi yang juga bersifat tempatan, dan menghidupkan penceritaannya dengan dialek Kedah yang begitu segar.

Tentang penggunaan dialek dalam karya Shahnon, Mohd. Yusof Hassan dalam tesis sarjananya yang berjudul “Bahasa Daerah dalam Karya-karya Shahnon Ahmad” (1976) antara lain menyatakan:

Penggunaan bahasa daerah secara meluas dapat diperhatikan dalam cerpen-cerpen dan novel-novel kedaerahannya yang sebelumnya belum dilakukan oleh pengarang-pengarang lain. Hal ini berlaku kerana Shahnon ingin membuat satu eksperimen dalam mengeksplorasi bahasa tersebut supaya memberi kesan kepada pembacanya. Dia mencuba membuat suatu teknik yang baru dalam karya fiksi Melayu. Pembaharuan yang merupakan penyimpangan dari tradisi penulisan fiksi ini berjaya dan menampakkan kesan tentang kekayaan bahasa daerah dan menjadi ikutan dan pengaruh kepada pengarang-pengarang lain (Talib Samat, 2010, 334-335).

Melalui kaedah tersebut, Shahnon dengan pantas membina citra tersendiri dalam dunia sastera Melayu. Citra tersebut diperkasakan lagi dengan gaya penceritaannya, serta isu sosial yang sering menjadi garapannya, seperti cerpen-cerpennya dalam antologi *Dua Zaman* (1963), dan kumpulan cerpennya *Anjing-anjing* (1964) – walaupun pada peringkat awal ini ia menyentuh sisi yang agak sensasi dan seksual - mempercepat pemerhatian sarjana serta peminat sastera ke atas kemunculan serta sumbangannya. Sejak itu, karya-karya beliau terus diminati dan diikuti.

Berhubung penggunaan dialek dalam karya sastera, sekiranya berlebih-lebihan, sesebuah karya itu hanya boleh difahami oleh khalayak dari wilayah dialek tersebut. Karya sedemikian mungkin kurang komunikatif kepada khalayak dari luar wilayah dialeknya, dan lantaran itu agak menyekat perluasan apresiasinya. Apabila sastera kebangsaan lebih menerapkan gaya bahasa sastera yang lebih baku, lama kelamaan sastera dialek akan terpinggir dan mula dilupakan oleh zaman. Dalam hubungan ini, karya-karya Shahnon memilih penerapan dialek daerah yang minimal.

Tema karya-karya selepas latar Banggol Derdap adalah tema yang berkesinambungan daripada renungan serta pemikiran yang juga terdapat dalam karya-karyanya yang lebih awal. Ia juga bertitik tolak daripada matlamat dan tujuan penulisan yang menjadi pegangan Shahnon, yang berbunyi:

“Matlamat dan tujuan penulisan ialah untuk menyedarkan dan mendidik khalayak melalui wadah sastera yang unik tentang pelbagai masalah sosial dan aspek kehidupan. Terpujang kepada masyarakat untuk menerimanya atau menolaknya” (Shahnon Ahmad, 11 November 2000, dlm. Talib Samat, 2010, 251).

Setelah melewati fasa awal, Shahnon meneroka tema-tema baharu dalam novel-novelnya. Tema-tema tersebut menampakkan ketajaman pemikirannya, serta sensitivitinya dalam isu-isu sosial, politik dan keagamaan sezaman. Shahnon juga, menggunakan novel untuk secara kreatif menzahirkan arus biografinya, seperti dalam novelnya *Al-Syiqaq I* (1985). Sayang sekali *Al-Syiqaq I* tidak bersambung.

Shahnon, seperti kebanyakan penulis, memanfaatkan isu persekitaran sebagai pancaran, perantaraan atau ekstensi pemikiran peribadinya dalam menanggapi persoalan kehidupan. Ini kerana persoalan kehidupan itu sewajarnya merupakan jiwa kepada pengarang yang melibatkan segala emosi dan inteleknya, seperti tanggapan Francois-Rene Daillie (1988) ini:

*I have always conceived literature as an adventure that is, something that happened to you, that you have to go through, a series of events in which you get more or less deeply involved, happenings which have an impact on your intellect, your spirit, or even better, on your whole being, body, heart and brains. The adventure can be as brief as the explosion of surprise of the **haiku**, as long and complicated in its development and gradual in its action upon you as the novel at its best.*

Kita menyaksikan pengembaraan minda Shahnnon dalam karya-karyanya, pengembaraan menempuh panca peristiwa yang memberi kesan kepada sukma, intelek, hati dan pemikirannya. Pengembaraan minda ke mandala sosial, politik dan agama umpamanya, telah disaring dan digubah menjadi karya-karya cereka yang memikat.

Isu Kemasyarakatan dan Kemanusiaan

Isu sosial dalam karya-karya Shahnnon terhasil atas kesedarannya terhadap pelbagai masalah yang dihadapi akibat kemiskinan masyarakatnya –sama ada kemiskinan material dalam sistem kapitalis yang tamak haloba, atau kemiskinan akidah, atau kemiskinan moral dan budi pekerti dalam kecanggihan teknologi maklumat, siber serta simpang siur budaya hedonisme. Demikian kita menyaksikan isu kemiskinan harta tanah dalam kalangan orang Melayu seperti yang dilakar dalam *Seluang Menodak Baung*; isu kemiskinan moral sehingga berlakunya sumbang mahram dalam novelnya *Tivi*; isu kemiskinan akidah dan akhlak sehingga berlakunya gejala pembuangan serta pembunuhan bayi dalam cerpennya “Seorang Bayi yang Tiba-tiba Berada di Kampung Mandul”; serta isu kemiskinan kesedaran alam sekitar hingga menyebabkan pencemaran, seperti dalam noveletnya yang berjudul *Sungai*.

Dalam novel *Kemelut* terlihat hubungan manusia dengan alam dalam konteks yang negatif. Justeru itu, seperti yang telah dinyatakan, ‘alam’ dalam wacana ini tidak mencakup flora dan fauna semata-mata, malah tentang perlakuan manusia terhadap alamnya. Di satu pihak, nelayan Kampung Indah Permai bergantung pada alam semula jadi untuk meneruskan hidup. Di pihak yang lain ada kelompok manusia yang mengubah landskap Kampung Indah Permai untuk membangun industri skala besar tanpa mengendahkan nasib alam sekitarnya. Kedua-dua pihak ini bersemuka pada latar yang sama:

Kedudukan para nelayan di Kampung Indah Permai sebagai nelayan tradisional atau lebih tepat lagi sebagai nelayan miskin, dikonkritkan oleh Shahnnon apabila dunia mereka dipertembungkan dengan dunia asing yang berada dalam satu kawasan geografi yang sama (Sohaimi Abdul Aziz, 2007).

Kampung Indah Permai merujuk Kuala Juru (Mohd. Yusof Hasan, 2007), sesuai dengan mukadimah novel ini yang mencatatkan dedikasi pengarang, “Juru, kupersembahkan novel kecil ini untukmu.” Novel ini dicipta ketika negara begitu dahaga akan pelaburan luar negara, untuk meningkatkan pendapatan negara dan pendapatan rakyat tempatan sebagai pekerja industri, yang akses pembangunannya mengorbankan alam sekitar, flora dan fauna, serta cara hidup masyarakat tempatan. Dari sebuah perkampungan nelayan tradisional, Kampung Indah Permai berubah wajah untuk beberapa buah kilang yang dibangunkan sama ada sebagai ‘joint venture’ atau usaha persendirian:

“Joint venture?”

“Satu dua tiga empat lima enam tujuh lapan sembilan sepuluh sebelas – sebelas.”

“Siapa?”

“Jepun dengan kita lima, Jerman dengan kita tiga, Amerika dua, British satu.”

“Yang lain?”

“Independent. Jepun, Jerman, Amerika, British.” (124).

Proses ‘pemeriksaan’ Kampung Indah Permai diperlihatkan oleh pengarang secara bertahap-tahap.

Barulah Mak Timah teringat. Dia turun ke tanah, berlari anak-anak bersama Rokiah hingga tiba di tanah bonggol. Dari jauh nampak jelas pokok-pokok bergoyang sana sini kemudian tercabut. Nampak dahan-dahannya patah, tanah merah terangkat tinggi. Orang lain berceratak di tebing melihat telatah traktor yang terus melanda mangsanya...

“Kalau banyak gitu, tak sampai dua hari, habislah semak samun tu. Licin macam kepala botak tanah seberang tu.”

Rokiah mengangguk-angguk.

“Kalau tambah sepuluh traktor lagi, hari ini pun habis semua.” (26)

Seterusnya diperlihatkan proses pembangunan fizikal yang terus mengancam:

Lawasnya keadaan pada mula sesudah traktor-tractor menggiling setiap bonggok dan perdu pokok; baik yang sebesar perdu kelapa atau pun sekecil longgok ketam. Rata tanah itu macam dihampar. Seperti tikar mengkuang merah, kata Pak Karim di warung kopi bila selesai saja traktor merata tanah (41).

Kesan negatif yang paling awal dirasai oleh penduduk perkampungan nelayan itu, akibat pembangunan tidak terkawal yang mengabaikan kualiti alam sekitar ialah lenyapnya ikan-ikan di sungai dan kuala sungai:

“Tak ada ikan hari ini, Mak Leha.”

“Entah. Tak pernah sial lagi macam ini. Dah ada sejak pagi, seekor pun tak dapat. Getis umpun pun tak terasa.” (49).

Pencemaran alam sekitar di Kampung Indah Permai dinyatakan dengan ngeri melalui dialog Pak Mat dan Mak Timah ini:

“Di air terjun mulut parit kilang. Airnya terjun deras, kata Kiah. Buihnya banyak. Cuma berminyak sana sini sedikit. Apa ikan tak ada lagi? Mungkin ikan dah kenyang? Mungkin terlalu panas dan ikan habis lari ke pintu kuala.” (55).

Juga melalui dialog Tobeng ini:

“Sisanya banyak. Sisa besilah, kayulah, airnyalah, tanahlah, logamlah, macam-macam lagi. Ke mana mereka buang sisa-sisa itu kalau tidak ke sungai kita. Sisa itu mengalir masuk sungai melalui parit ...Setiap hari muntah saja, kalau dua tahun? Kalau tiga tahun? Kalau empat tahun?” Sambung Tobeng bila sedar tentang suasana yang berdaya dikuasainya sekarang (73).

Pencemaran alam yang dahsyat itu ternyata memakan korban. Bukan sahaja ikan-ikan mati, malah memudaratkan haiwan peliharaan (Pokpok), burung pekaka (102) dan manusia sendiri (Kipli, 106).

Pada bahagian akhir novel ini terlihat adanya inisiatif pentadbiran dan politik untuk mengatasi masalah di Kampung Indah Permai. Akan tetapi Shahnnon membayangkan bahawa inisiatif tersebut tidak boleh terlalu diharapkan kejayaannya, kerana mereka juga menghadapi masalah atau kepentingan masing-masing. Watak Pak Mat membayangkan bahawa jika habis tempoh yang dijanjikan dan masalah itu belum selesai juga, ‘api akan mengganas dan segala akan tumpas menjadi abu.’

Isu politik turut menjadi minat Shahnnon. Politik bukan sahaja tentang bagaimana mendapatkan kuasa, mengekalkan kuasa – kadang-kadang dengan apa cara sekalipun, dan bagaimana kuasa politik digunakan untuk lebih mensejahterakan rakyat sesebuah negara, termasuk daripada aspek fizikal, intelek, budi daya dan tamadun secara keseluruhannya.

Shahnnon telah menghasilkan kira-kira 10 novel politik yang berani menelanjangi kebobrokan orang politik. Dalam sebuah tulisannya Jeniri Amir (2012) menyebut kesedaran Shahnnon tentang hubungan politik dan media, iaitu ‘ahli politik sedar akan kuasa media untuk mendapatkan kuasa, mempertahankan kuasa, dan mengukuhkan kuasa.’ Tidakkah menghairankan jika parti politik biasanya memiliki media cetak dan media elektronik yang diperalatkan bagi tujuan-tujuan tersebut.

Akan tetapi apabila ada penguasa yang tergelincir daripada landasan perjuangan luhur – akibat nafsu, keserakan, nepotisme, kronisme dan sebagainya – gejala itu menjadi bahan untuk diketengahkan kepada khalayak. Demikian dalam novelnya *Shit* kita menyaksikan bagaimana Wirawan yang telah lama berkuasa, berusaha di luar batas adab, moral dan logika untuk menyingkirkan penentangannya. Shahnnon juga menyindir politikus muda yang tidak sabar untuk menguasai koridor serta kerusi kekuasaan politik, seperti yang dilakarkan dalam noveletnya *Dongeng Hujan dan Kuda*. Tentang kezaliman dan kebuasan sesetengah penguasa politik moden, dipindahkan ke era kebangsawanan tradisional melalui cerpennya “Wan Empuk Kakak Wan Malini,” Sungguhpun cerpen ini memilih latar zaman lampau, tetapi sifat zalim dan buas dalam diri sesetengah penguasa adalah sifat yang terus muncul dari semasa ke semasa.

Ahli politik dengan kuasa politik yang mereka miliki, pada pendapat Shahnnon, harus digunakan untuk membasmi kemiskinan yang begitu ketara mencengkam kehidupan orang Melayu terutamanya di luar bandar dalam tahun 1960-an.

Dalam sebuah novel politiknya yang lain, iaitu *Patriarch*, Shahnnon mendedahkan kemungkaran politik, kebobrokan moral serta salah guna kuasa watak protagonisnya. Dalam *Patriarch* antara lain pengarang mengungkapkan idea kepemimpinan yang komited, baik, bersih dan adil. Apabila ciri-ciri mulia dan unggul itu dicabuli, pengarang menyebut:

Mengapa Patriarch menjadi begitu cepat ganas dan buas? Mengapa tidak lagi berjuang untuk mati dan hidup bersama rakyat? Ini adalah pembohongan yang paling besar, putar belit yang maha hebat liku-liku dan selekohnya... Mengapa keparat itu bohong? Mengapa keparat itu mungkir janji dan melanggar sumpahnya? Mengapa Patriarch yang disanjung rakyat itu sekarang ini berpaling dan menentang kemahuan rakyat? (213).

Apabila pemimpin ternyata telah memungkiri impian serta hasrat rakyat banyak, pengarang menyarankan suatu gerakan masa yang drastik. Inilah yang ditekankan dalam novel ini (*Patriarch*: 227) terutamanya pada akhir bab “Epilog” mengenai perlunya kebangkitan rakyat secara revolusi untuk mengubah dan menggantikan kepemimpinan yang bercanggah dengan nilai-nilai kepemimpinan yang ideal, iaitu kepemimpinan yang bertanggungjawab, beramanah, yang sanggup menunaikan janji dan yang sedia berkorban untuk hidup dan mati bersama rakyat (Zulkefle Dollah, 2007).

Melalui *Patriarch*, Shahnnon meneruskan idealismenya tentang seorang ketua yang baik, yang mula dilakar melalui watak Pak Senik dalam *Rentong*. Dalam novel ini, watak pemimpin skala kecil itu dilukiskan sebagai ‘Dia harus mengasihi anak buahnya dan berlaku adil terhadap mereka. Dia tidak harus menghukum anak buahnya yang dianggap bersalah, tetapi harus menyedarkan mereka tentang kesalahan mereka. Dan kalau mereka memang bersalah biarlah Tuhan saja yang menghukum mereka, bukan manusia. Pendek kata Pak Senik adalah teladan bagi kebanyakan ketua kampung lainnya, suatu hal yang harus ditiru (Umar Junus, 2007).

Dalam novel *Menteri*, penguasa politik dalam novel ini didepankan dengan isu kemiskinan yang temanya telah lama berakar dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*, dan *Seluang Menodak Baung*. Mimpri Menteri Bahadur dalam *Menteri* mungkin wayang yang terus berputar dan berputar lagi dalam kehidupan kita. Dalam mimpi ini, orang-orang Menteri Bahadur, orang yang berkulit sawo matang, telah dihimpit ke dalam hutan rimba yang gelap, dan mereka terpaksa bertungkus lumus membina penghidupan baru dari primitiviti alam dan dengan daya-daya yang primitif pula. Primitiviti orang berkulit sawo matang ini dibandingkan dengan kemodenan orang yang berkulit kuning dan berhidung pesek, yang ketika itu telah menguasai semua kota dan lembah subur... Pembunuhan yang pada akhirnya berlaku bukan antara orang berkulit sawo matang dengan orang berkulit kuning. Pembunuhan terakhir yang berlaku itu adalah di kalangan orang berkulit sawo matang sesama sendiri (Ismail Hussein, 2007).

Isu sosial dalam karya-karya Shahnnon terhasil atas kesedarannya terhadap pelbagai masalah yang dihadapi akibat kemiskinan masyarakatnya – sama ada kemiskinan material dalam sistem kapitalis yang tamak haloba, atau kemiskinan akidah, atau kemiskinan moral dan budi pekerti dalam kecanggihan teknologi maklumat, siber serta simpang siur budaya hedonisme. Demikian kita menyaksikan isu kemiskinan harta tanah di kalangan orang Melayu seperti yang dilakar dalam *Seluang Menodak Baung*; isu kemiskinan moral sehingga berlakunya sumbang mahram dalam novelnya *Tivi*; isu kemiskinan akidah dan akhlak sehingga berlakunya gejala pemuangan serta

pembunuhan bayi dalam cerpennya “Seorang Bayi yang Tiba-tiba Berada di Kampung Mandul”; serta isu kemiskinan kesedaran alam sekitar hingga menyebabkan pencemaran, seperti dalam noveletnya yang berjudul *Sungai*.

Dalam novel *Kemelut* terlihat hubungan manusia dengan alam dalam konteks yang negatif. Justeru itu, seperti yang telah dinyatakan, ‘alam’ dalam wacana ini tidak mencakup flora dan fauna semata-mata, malah tentang perlakuan manusia terhadap alamnya. Di satu pihak, nelayan Kampung Indah Permai bergantung pada alam semula jadi untuk meneruskan hidup. Di pihak yang lain ada kelompok manusia yang mengubah landskap Kampung Indah Permai untuk membangun industri skala besar tanpa mengendahkan nasib alam sekitarnya. Kedua-dua pihak ini bersemuka pada latar yang sama.

Dalam novel *Menteri*, penguasa politik dalam novel ini didepankan dengan isu kemiskinan yang temanya telah lama berakar dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*, dan *Seluang Menodak Baung*. Mimpi Menteri Bahadur dalam *Menteri* mungkin wayang yang terus berputar dan berputar lagi dalam kehidupan kita. Dalam mimpi ini, orang-orang Menteri Bahadur, orang yang berkulit sawo matang, telah dihimpit ke dalam hutan rimba yang gelap, dan mereka terpaksa bertungkus lumus membina penghidupan baru dari primitiviti alam dan dengan daya-daya yang primitif pula. Primitiviti orang berkulit sawo matang ini dibandingkan dengan kemodenan orang yang berkulit kuning dan berhidung pesek, yang ketika itu telah menguasai semua kota dan lembah subur... Pembunuhan yang pada akhirnya berlaku bukan antara orang berkulit sawo matang dengan orang berkulit kuning. Pembunuhan terakhir yang berlaku itu adalah di kalangan orang berkulit sawo matang sesama sendiri (Ismail Hussein, 2007).

Gagasan Sastera Islam dan Karya Sebagai Medium Dakwah

Berhubung isu keagamaan pula, terdapat dua aspek menarik yang wajar diperkatakan apabila kita membicarakan sumbangan Shahnnon. Pertama, usahanya mengemukakan serta mencirikan gagasan sastera Islam – iaitu suatu usaha yang memperkenalkannya sebagai salah seorang pengemuka teori atau gagasan sastera Islam di Malaysia. Kedua, kerana peranannya memanfaatkan karya sasteranya sebagai medium untuk menyampaikan dakwah.

Perbezaan yang amat nyata antara manusia dengan makhluk-makhluk Allah yang lain ialah manusia itu *hayawan natiq*, yakni makhluk rasional, diberi bahasa untuk dapat berkomunikasi dengan bangsanya dan bangsa-bangsa lain ciptaan Allah, berakal, di samping memiliki daya kreatif dan daya mencipta untuk memajukan diri dan dunia lingkungannya.

Nilai manusiawi serta pertanggungjawaban itu turut dipikul oleh para pengarang Melayu-Islam Nusantara, yang menyedari tuntutan agamanya terhadap seruan ke arah kebaikan di dunia ini; kesedaran yang asal-muasal berpaksi daripada seruan Allah SWT di dalam Al-Quran:

“Hendaklah ada di antara kamu umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh dengan makruf (yang baik-baik) dan melarang dari yang mungkar dan mereka itulah yang menang.”

(Terjemahan *Surah Ali ‘Imran* 3: 104)

“Serulah (manusia) ke jalan (agama) Tuhanmu dengan kebijaksanaan dan pengajaran yang baik, dan berbantahlah (berdebatlah) dengan mereka dengan (jalan) yang terbaik, sesungguhnya Tuhanmu lebih mengetahui orang-orang yang sesat dari jalan-Nya dan Dia lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.”

(Terjemahan *Surah An-Nahl* 16: 125)

Fungsi karya sastera akan diambil kira sebagai salah satu elemen penting, oleh mana-mana sarjana yang mencari, membina atau memperkatakan teori sastera, atau tentang sastera secara umum-seperti yang telah turut dilakukan oleh Shahnnon. Hal ini demikian kerana sastera sebagai produk budaya, intelektual dan peyumbang kepada tamadun akhlah, harus dilihat sebagai memiliki fungsi

yang tertentu. Dalam hubungan ini, pastilah dicari sama ada terdapat keserasian antara seruan agama, umpamanya melalui petikan dua terjemahan ayat Al-Quran di atas, dengan fungsi karya sastera yang dihasilkan oleh pengarang-pengarang Melayu-Islam di Nusantara.

Dengan memanfaatkan kegiatan sastera sebagai ibadah, Shahnnon mencirikan konsep sastera Islam yang menurutnya harus memenuhi kriteria-kriteria (a) matlamatnya yang betul, (b) perkara wajib mesti duiamalkan, (c) yang haram ditinggalkan, (d) yang sunat elok diamalkan, dan (e) yang makruh ditinggalkan. Seterusnya, beliau merincikan lagi konsep “Sastera kerana Allah Berhikmah untuk Manusia” dengan huraian:

...ini bukan konsep buatan saya atau buatan sesiapa pun. Apabila membicarakan aspek prinsip yang ada kaitan dengan Islam, kita hanya menyampaikan sahaja prinsip-prinsip yang telah kukuh. Dalam huraian yang serba ringkas itu saya sebenarnya bertolak daripada pengertian sastera sebagai salah satu cabang seni dilihat daripada sudut Islam sebagai ad-din, baik apa aspek sekalipun termasuk bidang ekonomi, politik, sosial, falsafah, pendidikan, seni dan sebagainya, manusia hanya menyalurkan satu Kebenaran Hakiki yang ditetapkan oleh Yang maha Esa.

(*Hikmat*, Februari 1979)

Peranan sasterawan, seperti yang disentuh oleh Shahnnon, sejajar dengan pendapat Muhammad Haji Salleh dalam bukunya *Puitika Sastera Melayu* tentang fungsi sastera dalam masyarakat Melayu. Pemikiran ini mengabsahkan peranan serta tanggungjawab pengarang Melayu-Islam dalam suatu kerangka iltizam keagamaan dan keumatan. Pengarang Melayu-Islam itu, dalam tradisi minda Melayunya, harus memainkan peranan khalifah – dalam konteks melahirkan karya sastera yang berfungsi sebagai (a) Wadah dan wajah kebijaksanaan, (b) Penawar dan penghibur, dan (c) Pembawa contoh dan unggul – seperti yang ditegaskan oleh Muhammad Haji Salleh. Minda Melayu tentang kepengarangan dan fungsi karya sastera turut dihuraikan oleh Muhammad (1986) seperti berikut:

...Suatu falsafah yang inginkan pengarangnya membantu masyarakatnya, semestinyalah menuntut pujangga itu menyempurnakan tugas ini. Selain menjadi pengubat, dia juga menjadi pengajar dalam hal-hal yang membantu kehidupan manusia atau masyarakatnya. Nilai-nilai dasar, kehalusan cara berinteraksi antara manusia dan seni, contoh manusia yang disanjung dan baik serta juga pengetahuan yang melancarkan perjalanan kampung dan negeri (terutama sekali) disalurkan melalui karya-karya yang mementingkan suatu gambaran masyarakat dan manusia unggul sebagai pengukur untuk pembaca-pendengar.

Oleh yang demikian tidaklah menghairankan jika dalam sebuah tulisannya Shahnnon menegaskan:

Sebagai seorang sasterawan yang bertanggungjawab, tujuan utama ialah untuk berdakwah membangunkan insan menurut tuntutan Islam melalui wadah kesusasteraan yang juga mengutamakan estetika. Oleh itu bila berbicara tentang tujuan, ia perlu kembali kepada keperibadian sasterawan itu sendiri, nilai yang dipegang, sikapnya dan matlamat hidupnya. Yang utama ialah ia perlu berdakwah untuk membangunkan manusia mengikut tuntutan Islam.

Sesuai dengan nilai yang dipegang, sikapnya dan matlamat hidupnya, Shahnnon turut berdakwah melalui karya-karya sasteranya. Dalam cerpen “Kematian” Shahnnon berdakwah tentang perlunya insan menyediakan bekalan untuk hari akhirat, kerana kematian pasti tiba, kerana Allah berkuasa menghidupkan dan mematikan setiap insan dan makhluk-Nya yang bersifat baharu. Dalam novelet *Pararuhi* Shahnnon berdakwah tentang takah-takah amalan dan ganjarannya di akhirat, juga perbezaan golongan manusia yang akan menerima nasib yang berbeza-beza sebagai tanda keadilan-Nya. Sementara dalam cerpennya “Tumbuh Lagi dan Tunggu Lagi” ruang lingkup dakwahnya membawa kesedaran pembaca kepada pembalasan di hari akhirat yang panjang, iaitu setiap manusia ditunjukkan kebaikan serta keburukan yang dilakukan di dunia serta pahala dan dosa yang diterima; yang beriman lebih bernasib baik, sementara yang kufur melalui ujian getir yang panjang, perit dan pedih.

Melalui novelnya *Tok Guru* beliau berdakwah menyampaikan cerita penyelewengan amalan poligami yang dilakukan oleh segelintir golongan agama yang mengambil kesempatan daripada status serta penghormatan yang diterima.

Tok Guru sebenarnya memaparkan persoalan yang berkaitan dengan keagamaan. Ia menceritakan perubahan-perubahan yang berlaku kepada keluarga Mamak Merican setelah kehadiran Tok Guru pada setiap malam Jumaat ke rumah mereka. Hasil daripada ilmu Islam yang telah disampaikan oleh Tok Guru maka timbullah kesedaran dan seterusnya membawa perubahan kepada cara hidup mereka (Mohd. Shokkeri Haji Ismail, 2007).

Dalam pelbagai kaedah dan cara untuk mencari dan mendapatkan pahala, Tok Guru tampaknya menekankan betapa perkahwinan – dengannya, atau melalui bermadu – sebagai pendekatan mudah untuk mendapat pahala, seperti kata-kata Mami ini : “Mami izinkan Nana berkahwin seorang lagi supaya kita berdua mendapat banyak pahala...” (*Tok Guru*: 50); atau melalui kata-kata Cumbi ini : “Mamak! Mami! Cumbi sudah buat keputusan sekarang! Cumbi rela berkahwin dengan Tok Guru demi mendapat kesejahteraan dunia dan akhirat untuk kita semua” (*Tok Guru*: 257).

Tok Guru kelihatan menggunakan agama, khususnya tentang poligami, untuk memanipulasi wanita (dan keluarganya) bagi memenuhi keperluan seksualnya. Dia bergantung pada keizinan Tuhan dan salah satu contoh daripada kehidupan Rasulullah, di samping mempunyai imaginasi utopia tentang umat manusia yang dibiakkan melalui poligami:

Sudah banyak kali Tok Guru sentuh bab kecantikan bermadu ini, tapi bagi orang yang tak faham, dianggapnya terlalu kotor dan tak senonoh ... (224). Kalau bermadu tidak cantik, mengapa Rasul menetapkannya. Kalau bermadu kotor, mengapa Islam menetapkannya. Yang kotor bukan Rasul dan bukan Islam tapi manusia (255). Kalau anak banyak dan alim ulama pula, mereka akan mengajar merata-rata. Mereka akan pergi merata-rata. Fikirkan jumlahnya bila anak-anak itu pun kahwin empat juga dan melahirkan anak-anak berpuluh, beratus dan beribu. Beribu-ribu ulama berselerak keluar berdakwah dan tentu begitu cepat Islam berbiak dan berkembang (58).

Tidak hairanlah jika novel ini menimbulkan kesan sarkastik terhadap Tok Guru:

Dia bukan Tok Guru. Dia hanya binatang yang bernafsu, yang hanya gunakan jubah dan serbannya untuk terus membuka tanah dan membuka tanah lepas sebidang sebidang (250).

Watak Tok Guru yang digambarkan Shahnnon, entah apa-apa sebab yang hanya diketahui oleh Shahnnon sendiri, pernah ditanggap sebagai suatu penyelewengan daripada watak dan peranan seorang guru agama yang sebenar:

Tok Guru yang cuba dilukiskan oleh Shahnnon hanyalah satu watak yang diselewengkan kerana sepanjang kuliah Tok Guru kepada keluarga Mamak Merican tidak ada benda lain yang disampaikan oleh Tok Guru, hanya adegan seks yang seolah-olah itulah medan perjuangan Tok Guru. Kalau dalam realiti, tentulah Tok Guru mengajar semua sudut Islam. Barulah ia nampak lebih indah dan adil (Abu Hassan Murad, dlm. Mohd. Shokkeri Haji Ismail, 2007).

KESIMPULAN

Jumlah karya Shahnnon yang banyak, di samping kepelbagaian temanya, membolehkan karya-karya Shahnnon dapat dibicarakan serta diwacanakan dari sudut pascakolonial, sudut feminis, dan dengan menerapkan pelbagai teori tempatan, timur dan barat. Kuantiti karya dan pilihan tema-temanya yang menarik juga membolehkan kajian yang mendalam dilakukan terhadap naratif serta naratologinya, sedari karya-karyanya yang awal hinggalah kepada karya-karya mutakhirnya.

RUJUKAN

- Dailie, Francois-Rene. (1988). *Alam Pantun Melayu: Studies on the Malay Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. (2007). "Sastera Melayu dan Perpaduan Kaum" dlm. Hamzah Hamdani dan Zeti Aktar Jaffar (ed) (2007). *Shahnon Ahmad dalam Esei dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Shokkeri Haji Ismail. (2007). "Antara yang Terpapar dan Terselindung di Sebalik *Tok Guru*" dlm. Hamzah Hamdani dan Zeti Aktar Jaffar (ed) (2007). *Shahnon Ahmad dalam Esei dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusof Hasan. (2007). "*Seluang Menodak Baung: Rakyat dan Ubi Gadung*" dlm. Hamzah Hamdani dan Zeti Aktar Jaffar (ed) (2007). *Shahnon Ahmad dalam Esei dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. ((2000). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (Pengenalan) (2012). *Pemikiran Sasterawan Negara Shahnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (1977). *Kemelut*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Shahnon Ahmad. (1988). *Tok Guru*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Shahnon Ahmad. (1991). *Patriarch*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2007). "Mobiliti Sosial dalam Novel *Kemelut*" dlm. Hamzah Hamdani dan Zeti Aktar Jaffar(ed) (1970). *Shahnon Ahmad dalam Esei dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Talib Samat. (2010). *Naratologi Shahnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Junus. (2007). "*Rentong, Shahnon Ahmad*" dlm. Hamzah Hamdani dan Zeti Aktar Jaffar (ed) (2007). *Shahnon Ahmad dalam Esei dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkefle Dollah. (2007). "*Patriarch: Mencari Kepimpinan yang Ideal*" dlm. Hamzah Hamdani dan Zeti Aktar Jaffar (ed) (2007). *Shahnon Ahmad dalam Esei dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.